

UNTUK MYRA



Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1614-8

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
Lelaman Internet: www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg



Dicetak pada tahun 2017 oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus
Marliana Mohamed Rashid, Sekolah Rendah Telok Kurau
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sekapur Sirih

Benih merupakan koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau Indonesia pada tahun 2016. Cerpen-cerpen dihasilkan bagi menggalakkan murid agar minat membaca khususnya dalam kalangan murid Darjah 5 dan 6.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, murid mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata, dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa murid yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata murid dengan memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Benih** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan murid.

Selamat membaca!

Mohamed Noh Daipi

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada bulan Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan murid.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran murid tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dan dipersembahkan dalam bentuk cerpen ini termasuklah tema persahabatan, kejujuran, perjuangan, berbuat baik, sikap tidak berputus asa dan kesetiaan.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan murid. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan murid-murid kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi murid.

Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Benih**

UNTUK MYRA

Marliana Mohamed Rashid

Lagu itu nadi dan nafas kehidupan manusia. Daripada sebuah lagu, kita pasti dapat menjenguk ke dalam sebuah zaman. Lagu yang sedang **tular** pada zaman ini dan menjadi nada deringan telefon bimbit para remaja dan belia ialah 'Jangan Cakap Abang Tak Payung'.

Nak baju abang beli...

Jangan cakap abang tak payung!


Minyak kereta abang isi...

Jangan cakap abang tak payung!

"Myra! Sudah sejuk burger ini. Kamu tidak lapar?"
lantang suara Mama Myra dari luar bilik Myra.

“Ah, kacaulah Mama!” Rengek Myra sambil **mengetap-getap** bibirnya yang kering.

Mama makan hati apabila mahu mengajak anak sulungnya itu makan bersama di rumah. Myra keras hati dan manja orangnya. Mama Myra kalau berada di rumah pada siang hari bermakna dia sedang bercuti. Myra yang sudah lazim dibiarkan berdikari untuk menguruskan hal-hal seharian, berasa rimas apabila diuruskan oleh Mamanya.



Walaupun Myra memasang fon kepala berjenama ‘Beat’, suara Mama cukup menggegarkan. Myra mendiamkan diri sahaja. Beginilah tabiat Myra sebaik-baik sahaja pulang dari sekolah. Pakaian seragam dan stoking Myra masih melekat pada tubuhnya, samalah seperti mata dan tangan Myra yang melekat pada telefon bimbitnya. Myra berbaring di atas katil sambil bermalam-malas. Sekali-sekali matanya menjeling pada jam dinding.

Genap pada pukul 6 petang nanti Papa Myra akan pulang. Sebagai pemandu teksi sepenuh masa, Papa akan pulang setiap hari pada waktu yang sama untuk makan malam dan bersolat. Setelah selesai rehatnya yang singkat itu, dia akan sambung memandu mencari rezeki. Pulangnya pada waktu malam pula tidak menentu. Kadang-kadang Myra dan adik-adiknya tidak dapat melihat Papa di rumah sebelum mereka masuk tidur.

Sebenarnya, Myra tidak sabar untuk menyampaikan hasratnya kepada Papa. Kad undangan daripada pihak sekolah yang diterimanya diselitkan di atas meja bersama

senaskhah Berita Harian yang belum dibaca Papa. Pulang nanti, pasti Papa akan membelek suratkhobar itu dan ternampak kad Myra itu.

Graduation Ceremony


Dua minggu lagi, kohort Myra akan tamat persekolahan sekolah rendah. Sebelum keputusan PSLE diumumkan, seluruh kohort Darjah 6 diundang ke sebuah Majlis Tamat Sekolah di dewan sekolah.

"Papa, Myra tak ada kasut," Myra mengadu dengan mukanya yang masam mencuka.

Papa yang sedang berpura-pura membaca kad undangan itu dengan teliti, sengaja tidak mahu memandangi anaknya. Sebenarnya, Papa tidak sampai hati melihat anak sulungnya apabila kekurangan sesuatu. Dia seorang ayah yang selalu bekerja keras untuk membahagiakan keluarganya. Namun begitu, dia juga tahu bahawa Myra yang baru sahaja belasan tahun

itu belum memahami **kesempitan** wang yang dialami keluarganya itu.

"Nanti Papa carikan ya Myra," janji Papa dengan dahinya yang masih berkerut mencari akal. Harga kasut itu mahal.



Myra **mendengus**. Myra tahu benar keupayaan Papa. Papa Myra tidak ada banyak wang seperti Papa Maya, Papa Syarifah ataupun Papa Sakinah. Mereka semuanya bertuah. Apa sahaja yang mereka idamkan, pasti dapat. Myra sudah bosan asyik dipandang sebelah mata oleh kawan-kawannya.

“Inilah yang kau mahu sangat bukan?” sinis Sakinah bertanya. Myra sedang merenung tepat pada kasut yang diidam-idamkannya. Kasut merah bermanik-manik itu terletak di atas para-para putih. Patutlah kasut itu menjadi kegilaan ramai kaum hawa.

Tetapi, jiwanya terbakar teringat janji Papa yang **mustahil** ditepatinya. Tinggal dua hari lagi. Myra bingit apabila ditanya kawan-kawan tentang persiapannya untuk ke majlis itu. Mujurlah, Myra ada sehelai gaun hitam berkilat yang sesuai dipakainya nanti. Itu pun gaun milik sepupunya. Dia selalu menerima barang-barang terpakai milik sepupunya.

Sejak berterus-terang dengan Papa hari itu, Myra belum lagi berjumpa dengan Papa. Mama kata Papa asyik pulang lewat. Myra mengagak Papa mahu mengelak daripada bertemu dengannya. Harapan Myra bagaikan retak menunggu belah.

“Saiz enam ada?” minta Myra yang berkeras mahukan kasut itu.

Dia lebih teruja apabila kasut itu disarungkan ke kakinya. Dia teringat sikap Papa yang tidak mempedulikan dirinya lagi. Dengan penuh berhati-hati, Myra mula mengopek label harga yang terletak pada tapak kasut idamannya itu. Sakinah terkejut melihat Myra berkelakuan seperti sudah biasa melakukan perkara itu. Beg sekolah Myra sudah siap di atas lantai. Mata Sakinah tekun mencari kamera **litup** yang dipasang di kedai kasut itu. Para penjual pula tidak ramai pada hari itu. Mereka sedang sibuk di kaunter **kasir** dan di bilik stor.

“Jom!” ligat Myra meninggalkan kedai kasut dengan **nekad** sambil diekori Sakinah yang masih kagum dengan keberanian Myra.

Myra menuju ke tandas awam di lantai bawah. Dengan tidak semena-mena, begnya itu ditarik dengan kuat oleh sepasang tangan seorang lelaki yang bertubuh sasa. Jantung Myra berhenti berdegup seketika.



Seluruh tubuh Myra menggigil apabila dibawa pulang dengan menaiki teksi Papa. Dia tidak banyak cakap sejak ditahan di pejabat sekuriti.

Myra amat kesal kerana telah menyakiti Papa dengan perbuatannya yang terburu-buru.

Sampai sahaja di rumah, Myra terus menyembunyikan dirinya di dalam bilik tidurnya seperti hari-hari biasa. Namun, dia semakin terpukul oleh perasaan bersalahnya apabila dia melihat sebuah bungkusan indah di atas katilnya. Rupa-rupanya, Papanya sudah pun membelikan kasut yang Myra minta.

Renungan

Kita sering terdorong untuk mendapatkan barang yang ingin kita miliki tanpa memikirkan sama ada barang itu perlu atau dimampui.

Apakah renungan kamu mengenai perbuatan yang Myra lakukan?

Glosari

1. **tular** – merebak ke merata-rata tempat, tersebar luas
2. **menggetap-getap** – menggigit
3. **kesempitan** – kekurangan
4. **mendengus** – menghembuskan nafas dengan kuat
5. **mustahil** – tidak masuk akal, tidak mungkin
6. **litup** – tertutup rapat-rapat hingga tidak kelihatan
7. **kasir** – pemegang wang tunai
8. **nekad** – tidak berfikir panjang lagi

SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Benih**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Benih** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi murid di sekolah rendah di Singapura.



Ministry of Education
SINGAPORE

